

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**MASA : 4:00 - 5:20 PETANG**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA  
ARAS 5, BLOK E4/5, KUSKOP  
PUTRAJAYA**

**PENGERUSI : YBHG. DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD  
KETUA SETIAUSAHA**

**KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN A**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
<b>1.0</b>	<b>PERUTUSAN PENGERUSI</b>	
1.1	YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat yang hadir di mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 3/2024	<b>MAKLUMAN</b>
1.2	YBhg. Dato' Sri Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara seperti berikut:  i) Mesyuarat MBJ pada hari ini telah mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama/ <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) yang telah ditetapkan bagi penganjuran mesyuarat MBJ di setiap Kementerian/Jabatan/Pihak Badan Berkanun/Pihak Berkuasa	<b>MAKLUMAN</b>

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Tempatan bagi tahun 2024. Pihak Kementerian menghargai komitmen yang telah diberikan oleh semua ahli mesyuarat MBJ dalam memastikan pelaksanaan mesyuarat berjalan mengikut jadual yang ditetapkan termasuklah penyelesaian isu yang berkaitan;</p> <p>ii) MBJ merupakan satu wadah untuk pihak pengurusan Kementerian memberi tumpuan dan penyelesaian kepada isu-isu kebajikan warga KUSKOP yang boleh memberi kesan kepada prestasi kerja; dan</p> <p>iii) MBJ perlu memberi fokus kepada perkara-perkara yang penyelesaiannya boleh dilaksanakan dengan menggunakan sumber dan punca kuasanya daripada pihak Kementerian sendiri dengan penambahbaikan.</p> <p><b>MAKLUM BALAS PERKARA BERBANGKIT DAN PEMBENTANGAN USUL BAHARU</b></p> <p>iv) Mesyuarat pada hari ini akan mendapatkan maklum balas empat perkara berbangkit dalam mesyuarat MBJ Bil. 2/2024 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kemudahan bayaran letak kenderaan;</li> <li>(ii) Cadangan mempercepatkan pembayaran tuntutan Elaun Perjalanan Dalam dan Luar Negeri dan Elaun Lebih Masa;</li> <li>(iii) Operasi kunci tayar kenderaan (<i>Clamping</i>); dan</li> <li>(iv) Pemakaian batik seragam Kementerian.</li> </ul> <p>Manakala usul baharu yang dikemukakan oleh Perwakilan Pihak Pekerja untuk dibincangkan bersama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Perkhidmatan Personel MySTEP;</li> </ul>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	(ii) Peranaan pegawai RELA yang kurang proaktif dalam membantu mengawal dan memantau kawasan parkir kenderaan dan di sekeliling bahu jalan bangunan E4/5; (iii) Kiosk Kanchong Darat Coffee by KopieSatu; dan (iv) Isu merokok di tandas aras B2.	
<b>2.0</b>	<b>PERUTUSAN Pengerusi Pihak Pekerja</b>	
2.1	Pengerusi Perwakilan Pihak Pekerja mengucapkan salam serta ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir di mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 3/2024.	<b>MAKLUMAN</b>
2.2	Pihak Pekerja telah menerima 28 usul baharu secara keseluruhannya daripada warga KUSKOP, walau bagaimanapun hanya empat usul dibawa ke mesyuarat MBJ Bil. 3/2024 dan usul-usul lain telah diselesaikan diperingkat Pihak Pekerja.	<b>MAKLUMAN</b>
<b>3.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 2/2024</b>	
3.1	Minit Mesyuarat MBJ Bil. 2/2024 yang diadakan pada 18 Julai 2024 disahkan tanpa pindaan.	<b>MAKLUMAN</b>
<b>4.0</b>	<b>MAKLUM BALAS DARIPADA MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 2/2024</b>	
4.1	<b>KEMUDAHAN BAYARAN LETAK KENDERAAN</b>  Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKew) memaklumkan perkara seperti berikut:  i) Maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diterima pada 11 November 2024 menyatakan kemudahan Bayaran Balik Letak Kenderaan adalah diberi dengan tujuan untuk	

Bil.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>membantu pegawai Perkhidmatan Awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta yang terletak di persekitaran pejabat. Berdasarkan kepada perenggan 5 PP Bil.2/2011 berkenaan turut menjelaskan kaedah dan syarat pembayarannya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pegawai perlu menyewa petak letak kereta atau motosikal yang terletak di persekitaran pejabat dan disewa secara bulanan;</li> <li>(ii) tuntutan dibuat melalui tuntutan perjalanan pegawai dan berdasarkan resit;</li> <li>(iii) Jabatan boleh menerima sama ada tiket harian ataupun pas bulanan serta resit sewaan secara pukal atau tiket harian bercampur antara kereta dan motosikal; dan</li> <li>(iv) kadar adalah berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90.00 mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap pegawai.</li> </ul> <p>Menjalankan tugas rasmi yang dimaksudkan adalah tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan yang memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat. Contoh situasi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Situasi A: Pegawai yang hadir ke pejabat dan pulang selepas tamat waktu bekerja (8.00 pagi - 5.00 petang) – pegawai adalah tidak layak menerima kemudahan kerana tiada elemen kerap kali keluar pejabat.</li> <li>(ii) Situasi B Pegawai hadir ke pejabat dan kemudian pegawai perlu menghadiri sesi lawatan tapak/mesyuarat luar dan kemudian pegawai kembali ke pejabat. Seterusnya pegawai pulang selepas tamat waktu bekerja. Pegawai adalah layak</li> </ul>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>menerima kemudahan ini dengan pengesahan Ketua Jabatan. Jumlah kekerapan keluar masuk adalah tertakluk kepada keperluan tugas.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii) Terdapat kekosongan lot parkir yang dahulunya dikhaskan untuk Jabatan Bekalan Air, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berikutan perpindahan ke Kompleks F.</li> <li>iii) Mengambil maklum mengenai penjelasan pihak JPA berhubung PP Bil.2/2011 berkenaan kaedah dan syarat pembayarannya.</li> </ul> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>SELESAI</b>.</p>	
4.2	<p><b>CADANGAN MEMPERCEPATKAN PEMBAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM DAN LUAR NEGERI DAN ELAUN LEBIH MASA</b></p> <p>BKew memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Garis panduan dan makluman kuir secara rasmi melalui e-mel telah dilaksanakan selaras dengan cadangan semasa mesyuarat MBJ Bil. 2/2024.</li> <li>ii) Penyediaan soalan-soalan lazim/ <i>frequently asked questions</i> (FAQ) masih dalam proses pengumpulan data kerana memberi penekanan kepada Arahan Dalam BKew.</li> </ul> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>SELESAI</b>.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
4.3	<p><b>OPERASI KUNCI TAYAR KENDERAAN (CLAMPING)</b></p> <p>Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) BKP telah mendapat khidmat rundingan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), permohonan kelulusan melaksanakan sistem kunci tayar (<i>clamping</i>) di sesuatu tempat perlu dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) untuk mendapatkan kebenaran melaksanakan zon kunci tayar di perimeter dan besmen KUSKOP, Jabatan Penilaian dan Pemeriksaan Harta (JPPH) untuk mendapatkan ulasan ke atas cadangan kadar penalti/ caj pentadbiran bagi kunci tayar dan Perbadanan Putrajaya (PPJ) bagi kelulusan dan khidmat nasihat berkaitan proses tunda kenderaan ke Depoh Presint 20.</p> <p>ii) BKP telah mengemukakan surat kepada semua pihak yang berkenaan pada 22 November 2024 untuk mendapatkan kelulusan semua pemegang taruh sebelum tindakan selanjutnya diambil.</p> <p>Pihak Perwakilan Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>iii) Kajian tinjauan telah dilaksanakan kepada warga Kementerian mengenai cadangan keperluan menggunakan tempat letak kenderaan terbuka di Taman Putra Perdana secara dalam talian mulai 19 hingga 23 Ogos 2024. Keputusan tinjauan tersebut mendapati sebanyak 62.8% tidak bersetuju dan 37.2% bersetuju untuk menggunakan tempat letak kenderaan terbuka di Taman Putra Perdana.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iv) BKP melaksanakan agihan pelekat kenderaan kepada semua warga KUSKOP yang merangkumi pegawai di Bahagian <i>Business Licensing Electronic Support System</i> (BLESS) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ii terus <b>DISUSULI</b>.</p>	<b>BKP</b>
4.4	<p><b>PEMAKAIAN BATIK SERAGAM KEMENTERIAN</b></p> <p>BKP memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Perbincangan bersama wakil KUSKOOP telah memutuskan bahawa jualan kain/ baju batik KUSKOP akan diuruskan oleh pihak KUSKOOP;</p> <p>Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>ii) KUSCOOP telah membentangkan cadangan baju batik korporat kepada YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha pada 14 November 2024. Berdasarkan pembentangan tersebut pihak KUSCOOP telah bertemu dengan pihak pembekal KIRANA UDA untuk mengemukakan cadangan baju batik korporat KUSKOP berwarna <i>light blue</i> atau pun <i>light grey</i> untuk dibuat penilaian selanjutnya.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iii) Pihak KUSCOOP melaksanakan rundingan harga bersama pihak pembekal KIRANA UDA bagi memastikan harga baju batik korporat</p>	<b>KUSCOOP</b>

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>berkenaan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat nilai terbaik untuk wang (<i>value for money</i>).</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara iii terus <b>DISUSULI</b>.</p>	
5.0	<b>PEMBENTANGAN USUL/ISU-ISU BAHARU OLEH NAIB Pengerusi Wakil Pekerja</b>	
5.1	<p><b>PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP</b></p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Berdasarkan Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP di bawah Inisiatif Malaysia <i>Short-term Employment Programme</i> tahun 2024 mengariskan antara dasar umum seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Personel MySTEP tidak layak dibayar Elaun Lebih Masa; dan</li> <li>(ii) Tidak boleh membuat penanggungungan kerja bagi jawatan kosong.</li> </ul> <p>ii) Terdapat Personel MySTEP turut terlibat sama dalam pengurusan program-program rasmi Kementerian yang menyebabkan pegawai-pegawai berkenaan perlu bertugas lebih masa.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>iii) Melalui dasar baharu Personel MySTEP layak menuntut elaun dan bayaran yang ditetapkan sekiranya dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabatnya di dalam negeri seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Elaun Makan;</li> <li>(ii) Elaun Harian;</li> <li>(iii) Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing; dan</li> <li>(iv) Elaun Perjalanan Kenderaan.</li> </ul>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>iv) Personel MySTEP layak menggunakan kemudahan perjalanan udara untuk menjalankan tugas rasmi di dalam negeri.</p> <p>v) Tuntutan elaun, bayaran serta kemudahan untuk menjalankan tugas rasmi di dalam negeri hanya tertakluk kepada skop tugas Personel MySTEP sahaja. Selain daripada skop tugas tersebut adalah tidak dibenarkan.</p> <p>vi) Ketua Jabatan/pegawai penyelia perlu mengambil kira aspek kebajikan dan perlu merancang serta memastikan skop kerja Personel MySTEP tidak melebihi tugas hakiki pegawai tetap dan tidak membebankan sehingga perlu menjalankan tugas lebih masa bagi menyelesaikan sesuatu tugas.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>vii) BPSM mengemukakan permohonan kelulusan khas kepada Kementerian Kewangan untuk diberi pengecualian khas kepada Personel MySTEP yang terlibat dalam membantu melaksanakan program-program rasmi Kementerian serta bertindak sebagai pihak urus setia yang memerlukan keberadaan Personel MySTEP semasa program tersebut berlangsung, untuk menuntut elaun lebih masa, tuntutan tambang pengangkutan awam dan tuntutan belanja pelbagai seperti bayaran tol, bayaran tempat letak kereta memandangkan tuntutan berkenaan amat diperlukan bagi meringankan bebanan Personel MySTEP yang perlu menjalankan tugas rasmi di luar kawasan pejabat serta memastikan perkhidmatan di Kementerian ini dapat berjalan dengan lancar serta mencapai matlamat.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara vii terus <b>DISUSULI</b>.</p>	<p><b>BPSM</b></p>

BIL	PERKARA	TINDAKAN
5.2	<p><b>PERANAN ANGGOTA RELA YANG KURANG PROAKTIF DALAM MEMBANTU MENGAWAL DAN MEMANTAU KAWASAN PAKIR KENDERAAN DAN DI SEKELILING BAHU JALAN BANGUNAN E4/5</b></p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Hasil pemerhatian terdapat anggota RELA yang ditugaskan dalam membantu mengawal dan memantau kawasan tempat letak kenderaan dan di sekeliling bahu jalan bangunan E4/5 termasuk di sekitar Taska kurang proaktif dalam melaksanakan tugas sehingga masih terdapat kenderaan bukan warga KUSKOP terutamanya warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut memakir kenderaan mereka terutamanya di awal pagi atau selepas waktu rehat.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Kekuatan keseluruhan anggota RELA yang bertugas di KUSKOP seramai 2 penyelia dan 11 anggota dengan syif penugasan siang dari jam 7:00 pagi hingga 7:00 malam seramai 1 penyelia dan 8 anggota dan syif penugasan malam dari jam 7:00 malam hingga 7:00 pagi seramai 1 penyelia dan 3 anggota.</p> <p>iii) BKP memaklumkan melalui mesyuarat penyelarasan kompleks E bersama pihak KPM dan KKM yang diadakan secara berkala telah dimaklumkan berhubung kawasan tempat letak kenderaan di kawasan sekitar KUSKOP dan akan disusuli dengan surat pemakluman daripada pihak Kementerian.</p> <p>iv) Binaan papan tanda pakir khas untuk diletak di kawasan pakir kenderaan atau kawasan yang bersesuaian di sekeliling bahu jalan bangunan E4/5 adalah tidak dibenarkan memandangkan</p>	


BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Kompleks E adalah kawasan guna sama untuk semua agensi Kerajaan yang berada di Kompleks E dan hanya tanda kon sahaja yang dibenarkan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>v) BKP memaklumkan peringatan secara lisan kepada pegawai RELA untuk lebih peka dalam membantu mengawal dan memantau kawasan tempat letak kenderaan dan di sekeliling bahu jalan bangunan E4/5 termasuk di sekitar taska terutamanya di awal pagi atau selepas waktu rehat bagi mengelakkan kenderaan selain bukan warga KUSKOP memakir kenderaan dikawasan berkenaan.</p> <p>vi) BKP menyediakan kon tanda khas di kawasan tempat letak kenderaan dan di sekeliling bahu jalan bangunan E4/5.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>SELESAI</b>.</p>	<p><b>BKP</b></p> <p><b>BKP</b></p>
5.3	<p><b>KIOSK KANCHONG DARAT COFFEE BY KOPIESATU</b></p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Terdapat aduan yang diterima daripada warga Kementerian mendapati rasa kopi yang dijual di kiosk Kanchong Darat Coffee by Kopiesatu yang tidak konsisten dan hanya terdapat beberapa jenis minuman kopi sahaja yang dijual berbanding jenama Kopiesatu sebelum ini.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Kiosk Kanchong Darat Coffee by Kopiesatu tidak menjalankan operasi sejak dari penghujung bulan November 2024 hingga kini.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>iii) BKP memaklumkan kiosk Kanchong Darat Coffee by Kopiesatu masih mempunyai kontrak bersama pihak Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) sehingga Mei 2025 dan telah tamat tempoh francais bersama pihak Kopiesatu.</p> <p>iv) BKP juga sedang berhubung dengan pihak penyedia mesin kopi layan diri (<i>coffee vending machine</i>) untuk ditempatkan di lobi utama. Beberapa perkara sedang diberi perhatian seperti penyediaan paip salur air dan lain-lain perkara yang berkaitan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>v) BKP berhubung dengan pihak kiosk Kanchong Darat Coffee by Kopiesatu berhubung status pengoperasian mereka sama ada masih berminat untuk meneruskan perniagaan sehingga kontrak tamat atau sebaliknya.</p> <p>vi) Melaksanakan lawatan penanda aras di SME Corporation Malaysia terutamanya bagi melihat kiosk-kiosk yang menjalankan operasi perniagaan di lobi berkenaan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya <b>perkara v dan vi</b> terus <b>DISUSULI</b>.</p>	<p><b>BKP</b></p> <p><b>BKP</b></p>
5.4	<p><b>ISU MEROKOK DI TANDAS ARAS B2</b></p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Didapati tandas di aras B2 yang berada di laluan ke bilik operasi RELA dan pejabat pengurusan fasiliti menjadi salah satu lokasi tumpuan perokok merokok terutamanya pada waktu pagi. Bau asap rokok terpakai berkenaan telah menimbulkan gangguan</p>	


BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>pernafasan dan mengundang bahaya kesihatan terutamanya kepada warga Kementerian yang melalui laluan berkenaan untuk menghantar anak-anak ke taska.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Premis Kerajaan telah pun diwartakan sebagai Tempat Larangan Merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau tahun 2004.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iii) BKP melaksanakan pemantauan secara berkala dan melaksanakan ulang siar hebahan peringatan melalui emel berhubung perwartaan Tempat Larangan Merokok di premis Kerajaan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>SELESAI</b>.</p>	
<b>6.0</b>	<b>HAL-HAL LAIN</b>	
6.1	<p><b>GAYA HIDUP CERGAS DAN AKTIF</b></p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Menyeru dan menggalakan seluruh warga KUSKOP untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup cergas dan kekal aktif dengan melakukan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi. Penglibatan dalam aktiviti sukan bukan sahaja untuk kekal sihat malahan juga dapat mengukuhkan hubungan di antara sesama warga KUSKOP.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>SELESAI</b>.</p>	<b>MAKLUMAN</b>

BIL	PERKARA	TINDAKAN
6.0	<b>PENUTUP</b>	
6.1	YBhg. Dato' Sri Pengerusi menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 5:20 petang.	


Disediakan oleh:

  
**(SAIFUL AZMI BIN AB HALIM)**  
 Setiausaha Bersama (Majikan)  
 Majlis Bersama Jabatan  
 Tarikh: 6/12/2024


Disediakan oleh:

  
**(NADHRAH ATHILAH BINTI RAZALI)**  
 Setiausaha Bersama (Pekerja)  
 Majlis Bersama Jabatan  
 Tarikh: 6/12/2024

Disemak oleh:

  
**(DR. FAIZAL BIN ABDUL GHANI)**  
 Pengerusi (Pihak Pekerja)  
 Majlis Bersama Jabatan  
 Tarikh: 13/12/2024

Disahkan oleh:

  
**(DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)**  
 Pengerusi  
 Majlis Bersama Jabatan  
 Tarikh: 19/12/2024

**SENARAI KEHADIRAN**

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**PIHAK PENGURUSAN**

1. YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud - Pengerusi  
Ketua Setiausaha
2. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan)
3. YBrs. Dr. Syahrul Idzuan bin Mohamad  
Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan
4. Encik Amaruddin bin Isa  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
5. Encik Sharhan bin Shokery  
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Encik Noorazman Ariff bin Azizul Rahman  
Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor
7. Puan Nor Fadila binti M Sapuan  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
8. Encik Saiful Azmi bin Ab Halim - Setiausaha Pihak Majikan  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

## PIHAK PEKERJA

9. YBrs. Dr. Faizal bin Abdul Ghani - Pengerusi Pihak Pekerja  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
10. Puan Rohaizan binti Ismail  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
Unit Integriti
11. Puan Nadhrah Athilah binti Razali - Setiausaha Pekerja  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Ts. Puan Azian Fatilah binti Mia  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian *Business Licensing Electronic Support System*
13. Puan Arnydah binti Abdul Aziz  
Akauntan  
Bahagian Akaun
14. Encik Sofiyuddin bin Mat Salleh  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
15. Ir. Puan Siti Fatimah binti Mohd Zuki  
Penolong Pengarah  
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
16. Encik Munasir bin Ab Rahim  
Penolong Akauntan  
Bahagian Akaun

17. Puan Noorain binti Baharin  
Penolong Juruukur Bahan  
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
18. Puan Nurhanisah binti Razali  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
19. Encik Mohd Zain bin Md Ludin  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
20. Puan Zulaaikha binti Mohd Apandi  
Peguam Persekutuan  
Pejabat Penasihat Undang-undang
21. Puan Aeida Binti Md Nordin  
Setiausaha Pejabat  
Pejabat Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
22. Puan Noor Hasmiza binti Bismi  
Penolong Pegawai Penerangan  
Unit Komunikasi Korporat
23. Encik Hafid bin Madderi  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
24. Encik Muhammad Baihaqi bin Sulaman  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
25. Puan Ilyyana binti Abd Rahim  
Pembantu Tadbir (Kewangan)  
Bahagian Kewangan dan Pembangunan

26. Encik Mohd Fuad bin Asrumni  
Pengawal Keselamatan  
Bahagian Khidmat Pengurusan
27. Encik Mohd Rizal bin Mahmood  
Pemandu Kenderaan  
Bahagian Khidmat Pengurusan

### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

### **PIHAK PENGURUSAN**

1. YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan)
2. Encik Mohd Asri bin Mohamed  
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

### **PIHAK PEKERJA**

3. Encik Abdul Azeef bin Abdul Ariff  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
4. Encik Mohd Najmi bin Ismail  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
5. Encik Mohd Farid bin Alias  
Pembantu Operasi  
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)

## **TURUT HADIR BERSAMA**

1. Encik Mohd Iskandar bin Amran  
Ketua Unit Audit Dalam
2. Puan Sri Derwina binti Shahrudin  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3. Puan Nik Atiqah binti Mohd Ariffin  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Puan Siti Anis Adleena binti Mohd Sharif  
Penolong Akauntan  
Bahagian Kewangan dan Pembangunan

## **URUS SETIA**

1. Puan Nur Syafiqah Faziana binti Ismail  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Encik Amir Izham bin Alias  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia